

**Malaysia, China Setuju Konflik Laut China Selatan Diselesai Secara Aman**  
**Bernama**  
**12 Ogos, 2012**

KOTA KINABALU, 12 Ogos (Bernama) -- Malaysia dan China bersetuju agar sebarang masalah atau konflik di Laut China Selatan, dibincang dan diselesaikan di meja perundingan secara aman.

Menteri Luar Datuk Seri Anifah Aman berkata kedua-dua negara menekankan pendekatan diplomasi itu, terutama mengadakan dialog antara negara terlibat demi kebaikan semua pihak di rantau ini.

"Perbincangan antara kami amat positif dan saya percaya hubungan dua hala antara Malaysia dan China akan terus kukuh pada masa depan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat dua hala dengan Menteri Luar China Yang Jiechi, di sini Ahad.

Anifah berkata lebih banyak penerbangan terus dari China ke Sabah bakal diwujudkan bagi meningkatkan sektor pelancongan, selain memantapkan hubungan kerjasama kedua-dua negara dalam pelbagai bidang yang diterokai.

Beliau berkata, cadangan agar China mewujudkan pejabat Konsul Jeneral China di negeri ini juga akan memudahkan kedatangan lebih ramai pemimpin tertinggi kedua-dua negara serta pelancong untuk berkunjung ke China dan Malaysia.

Yang, kini dalam rangka lawatan kerja rasmi tiga hari ke Sabah bermula 11 Ogos lepas, turut mengiktiraf peranan Malaysia dalam meningkatkan hubungan China dengan negara-negara Asean.

Beliau turut berkesempatan melakukan kunjungan hormat terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dalam majlis berbuka puasa bersama rakyat di kawasan Parlimen Kumanis, Sabtu.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=687550>